

Newspaper	HARAKAH
Date	2 MARCH 2015

Jangan hancurkan imej bersih Tun Abdul Razak

KUALA LUMPUR: Media Umno-BN dibidas kerana melanggar prinsip kewar-tawanan apabila tidak menyiarkan kenyataan empat saudara kandung Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak berhubung kekayaannya yang kononnya diwarisi dari bapanya, Tun Abdul Razak Hussein.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan *News Strait*

Harakah - 2/3/2015
Times, Dato' Abdul Kadir Jasin berkata, sikap media Umno-BN itu yang menafikan 'hak untuk menjawab' hanya akan mencemarkan legasi Abdul Razak yang cuba dibersihkan oleh empat anaknya yang lain.

"Adalah jelas bahawa media arus perdana telah tidak mengamalkan hak untuk menjawab," katanya seperti dilaporkan oleh Ma-

laysiakini, 27 Februari lalu.

Sebelum ini, Pejabat Perdana Menteri menghantar surat penjelasan kepada akhbar New York Times (NYT) bagi menjelaskan sumber kekayaan yang dimiliki oleh Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Usaha empat beradik itu; Nazir, Johari, Nizam, dan Nazim Razak membuat kenyataan balas itu ekoran kebimbangan dengan laporan itu yang akan

menimbulkan spekulasi jahat mengenai imej bapa mereka.

Hal ini kerana, kenyataan itu menyebut, Abdul Razak terkenal dengan sikap berjimat dan berintegriti.

Menjelaskan lebih lanjut, Abdul Kadir turut membidas Pejabat Perdana Menteri yang melancarkan propaganda bagi melindungi Najib dan isterinya walaupun terpaksa meng-gadai moral dan etika.